


Berdosa lebih beribadah?

Soal Jawab Agama



Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan
pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com



BENARKAH berlebihan dalam ibadah lebih besar dosanya daripada berzina? Ini kerana ada terdengar ceramah menyatakan perkara sedemikian?

JAWAPAN: Apakah maksud berlebihan dalam ibadah?

Adakah maksudnya terlalu banyak membaca al-Quran, contohnya satu hari 10 juzuk? Jika banyak membaca al-Quran dikira sebagai berlebihan dalam ibadat, maka kenyataan bahawa perbuatan itu lebih besar dosanya daripada berzina adalah ternyata salah.

Contoh lain, zikir tasbih

selepas solat ialah 33 kali. Jika seseorang itu berzikir sebanyak 300 kali selepas solat, adakah ia dikira berlebihan dalam ibadat dan dikatakan bahawa berlebihan dalam ibadat lebih besar dosanya daripada zina?

Ahli ibadat zaman dahulu sangat banyak melakukan ibadat. Selawat yang

mereka amalkan terlalu banyak, malah ada generasi salafussoleh yang khatam al-Quran ribuan kali sepanjang hayat mereka.

Mereka adalah ahli ibadat yang soleh. Tidak pernah dinyatakan bahawa cara amalan mereka itu sebagai berlebihan dalam ibadat.

Maka saya berpendapat

bahawa kenyataan kepada persoalan ini adalah tidak benar. Ibadat boleh dilakukan sesuai dengan keadaan setiap individu.

Ada ibadat yang tetap dan tidak berubah contohnya bilangan rakaat dalam solat fardu. Namun, banyak ibadat lain anjal dan boleh berubah contohnya bilangan zikir.



Imam batal, bagaimana dengan maknum?

SOLAT imam terbatal. Adakah solat maknum juga dihukum sebagai batal?

JAWAPAN: Ada pendapat menyatakan bahawa apabila solat imam terbatal, maka solat maknum juga dihukum sebagai batal. Walau bagaimanapun, pendapat sebegini agak memberatkan masyarakat.

Contohnya imam solat terlupa untuk berwuduk. Maka imam solat fardu isyak dan sunat tarawih dalam keadaan tidak berwuduk.

Selesai solat, imam teringat bahawa beliau tidak berwuduk. Maka satu kezaliman terhadap masyarakat jika dihukum solat maknum tidak sah hanya kerana solat imam yang tidak sah.

Bagaimanapun, jika solat imam tidak sah sedangkan maknum mengetahuinya dan tetap mengikut imam, maka ada kewajaran jika solat maknum dihukum sebagai tidak sah.

Namun, jika para maknum tidak mengetahui solat imam tidak sah, maka sewajarnya solat maknum dihukum sebagai sah.

Hukum puasa enam Syawal

APAKAH hukum tidak berpuasa enam hari pada bulan Syawal?

JAWAPAN: Berpuasa enam termasuk dalam puasa sunat. Oleh itu, tiada kewajipan dan kefarduan untuk

melaksanakannya.

Maka sesiapa yang ingin melakukan puasa enam hari pada bulan Syawal maka ada ganjaran pahala.

Sesiapa yang tidak berpuasa enam hari ini maka dia tidak berdosa.

